

Pemenang Hadiah Utama *Electrify Your Life* Pulang dengan Proton e.MAS 5 Premium

Model EV nombor satu Malaysia terus mencatat kejayaan apabila PRO-NET meraikan sokongan padu rakyat melalui penyerahan kenderaan yang membawa perubahan besar dalam kehidupan pemenang.

Kuala Lumpur, 27 Februari 2025 – PRO-NET, anak syarikat milik penuh PROTON, telah meraikan pemenang Hadiah Utama Kempen Electrify Your Life 2025 menerusi penyerahan rasmi Proton e.MAS 5 Premium serba baharu kepada En. Shahrul Aizat Bin Ishak. Penyerahan ini berlangsung di Proton e.MAS Setapak (IGreen Premium Sdn. Bhd.) dan diserahkan oleh Duan Bingbing, Ketua Unit Jualan PRO-NET.

Peraduan yang berlangsung tahun lalu dianjurkan bagi meraikan peralihan Malaysia ke arah mobiliti lestari. Bagi En. Shahrul Aizat yang berusia 37 tahun, detik ini menandakan permulaan perjalanan beliau sebagai pemilik kenderaan elektrik, dengan penerimaan kunci salah satu EV yang paling mendapat perhatian di Malaysia. Slogan kemenangan beliau berbunyi: “Proton e.MAS menjadikan hidup saya tenang tanpa bunyi, tangkas tanpa kompromi, dan terpacu dengan inovasi.”

Duan Bingbing turut merakamkan penghargaan kepada rakyat Malaysia atas sokongan yang berterusan terhadap Proton e.MAS 5. Beliau berkata, “Kami amat berbesar hati untuk menyerahkan Proton e.MAS 5 Premium kepada En. Shahrul Aizat dan keluarganya. Kejayaan kami adalah hasil daripada kepercayaan dan keyakinan rakyat Malaysia terhadap jenama ini. Melihat keluarga di negara ini menerima dan beralih kepada mobiliti elektrik memberikan kami dorongan yang amat bermakna. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan berterusan terhadap jenama e.MAS.”

Puan Salawati, Ketua Pegawai Penjenamaan PRO-NET, menegaskan peranan kepimpinan jenama tersebut dalam membentuk landskap kenderaan elektrik (EV) di Malaysia. Beliau berkata, “Jenama Proton e.MAS diwujudkan dengan misi yang jelas untuk menerajui perjalanan elektrifikasi Malaysia secara bertanggungjawab dan inklusif. Sambutan menggalakkan terhadap e.MAS 5 membuktikan bahawa penggunaan EV bukan lagi fenomena khusus atau terhad, sebaliknya semakin menjadi arus perdana. Sebagai sebuah jenama, tanggungjawab kami bukan sekadar menjual kenderaan, tetapi juga membina kepercayaan, memperkukuh ekosistem, serta menetapkan penanda aras baharu dalam inovasi yang lebih mudah diakses.”

Bagi En. Shahrul Aizat, seorang bapa kepada tiga orang anak, tarikan terhadap e.MAS 5 Premium hadir sebaik sahaja beliau melihat dan merasainya sendiri. Ruang kabin memberikan pandang pertama yang paling menyerlah. “Ia kelihatan premium dan sangat selesa,” kongsinya. “Ruang dalamnya benar-benar menonjol. Ketiga-tiga anak saya boleh duduk dengan selesa, malah boleh berehat ketika perjalanan jauh.” Beliau turut kagum dengan penyelesaian ruang simpanan yang praktikal, termasuk ruang simpanan hadapan atau ‘frunk’. Ruang tambahan di bawah bonet memudahkan urusan harian, sama ada untuk menyimpan beg sekolah, barangan runcit mahupun keperluan keluarga.

Selain keselesaan dan praktikaliti, En. Shahrul Aizat turut menantikan penjimatan jangka panjang yang ditawarkan melalui pemilikan kenderaan elektrik. Berbanding dengan pesaing lain dalam kategori harga yang sama, Proton e.MAS 5 hanya memerlukan penyelenggaraan sekali setahun, dengan jumlah penjimatan sehingga RM29,796.60 sepanjang 10 tahun pemilikan.

Proton e.MAS 5 terus menetapkan penanda aras baharu dalam landskap kenderaan elektrik (EV) di Malaysia. Sebagai model EV nombor satu negara pada masa ini, ia mencatat jualan tertinggi bagi bulan Januari dengan 3,068 unit, serta mencipta sejarah sebagai kenderaan elektrik pertama yang berjaya menembusi carta 5 teratas jualan kenderaan nasional keseluruhan pada bulan yang sama. Pencapaian ini turut menjadikan Proton e.MAS jenama EV nombor satu di Malaysia, menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan mobiliti elektrik negara.

Dengan semakin ramai rakyat Malaysia menyambut masa depan elektrik, Proton e.MAS 5 menjadi simbol inovasi, dan kepraktisan harian. Saksikan pendapat En. Shahrul Aizat dan isterinya, Atiqah Farahin, mengenai Proton e.MAS 5 melalui video di platform berikut:

Facebook: <https://www.facebook.com/share/v/1DgXZ4ebJT/>

Instagram: <https://www.instagram.com/p/DVF886Wkngn/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@protonemasofficial/video/7609934635195223317>

Layari laman web rasmi Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut mengenai Proton e.MAS 5.

#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld #PROTONeMAS5 #OwnYourSpace
#FreedomThatElectrifies #eMAS5FirstAffordableEV

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS merupakan jenama kenderaan elektrik (EV) dan tenaga baharu nasional perintis Malaysia, sebuah sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Memainkan peranan penting dalam penerimaan EV serta pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk memimpin peralihan ke arah pengangkutan lestari dengan fokus yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedarannya yang semakin meluas, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, serta ekosistem yang lengkap memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selari dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk **MENGINSPIRASI HUBUNGAN** dengan sentiasa menawarkan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan standard antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan secara rasmi pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global